

B512:

AKTA

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 1 TENGAHHARI. 6 JULAI)

1976

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- AKTA PELAJARAN 1961 YANG MEMAKTUBKAN DASAR DAN SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN TELAH DIPERLUASKAN KE SABAH MULAI 1 JANUARI LALU. DEMIKIAN DR. MAHATHIR MOHAMED MENGUMUMKAN HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PELAJARAN BERKATA. PERLUASAN ITU YANG DIBUAT DENGAN BEBERAPA UBAHSUAIAN TELAH DIPERSETUJUI OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI SABAH.

DENGAN PERLUASAN AKTA TERSEBUT SELURUH NEGARA SEKARANG MENGGUNAKAN DASAR DAN SISTEM PELAJARAN YANG SAMA.

DALAM SATU KENYATAAN, DR. MAHATHIR MENERANGKAN INTEGRASI KETIGATIGA WILAYAH MALAYSIA IAITU SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK MELALUI SATU DASAR DAN SISTEM PELAJARAN ADALAH PERLU BAGI MENYATUPADUKAN RAKYAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI.

KATANYA, +SAYA GEMBIRA KERANA KEDUA-DUA NEGERI SABAH DAN SARAWAK SEKARANG TELAH MENGAMBIL SIKAP YANG POSITIF TERHADAP PERKARA INI.+
—BERSAMBUNG 1159/LK

EE

B513:

AKTA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DIANTARA UBAHSUAIAN YANG DIBUAT IALAH PENUBUHAN SATU BAHAGIAN JEMAAH NAZIR PERSEKUTUAN DI SABAH BAGI MENGENDALIKAN TUGAS-TUGAS PEMERIKSAAN SEKOLAH-SEKOLAH DAN INSTITUSI PELAJARAN DI NEGERI TERSEBUT.

SEBUAH LEMBAGA PUSAT AKAN JUGA DITUBUHKAN DI NEGERI ITU UNTUK MENGAMBILALIH PERANAN MAJIKAN KEPADA GURU-GURU DAN KAKITANGAN BUKAN GURU YANG DULUNYA BERKHIDMAT DENGAN JAWATANKUASA PENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN.

BERIKUTAN PELAKSANAAN AKTA ITU JUGA, PENGARAH PELAJARAN NEGERI SABAH AKAN MENTADBIRKAN KESEMUA SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN DAN BANTUAN DI NEGERI ITU.

DENGAN INI JUGA JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN AKAN MEMPUYAI KUASA MENASIHAT SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT.

BAGAIMANAPUN, PENTADBIRAN SEKOLAH-SEKOLAH PERSENDIRIAN AKAN TERUS DIJALANKAN SEPERTI BIASA OLEH JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PENTADBIR SEKOLAH MASING-MASING.

DR. MAHATHIR BERKATA, SEJAK TAHUN 1970 JABATAN PELAJARAN NEGERI SABAH TELAH MULA SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN DI SEMENANJUNG. -- BERSAMBUNG 1203/LK

B514:

AKTA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MULAI AWAL TAHUN INI BAHASA INGGERIS TIDAK LAGI DIGUNAKAN SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DI TINGKATAN SATU DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN DAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH BANTUAN DI NEGERI ITU.

KESEMUA KELAS-KELAS TERSEBUT TELAH DIJALANKAN DALAM BAHASA MALAYSIA SAMA SEPERTI DI SEMENANJUNG.

PADA TAHUN DEPAN, KESEMUA TINGKATAN SATU DAN DUA DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN DAN BANTUAN YANG MENGGUNAKAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA PENGANTAR AKAN MULA MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR.

MENURUT BELIAU, PERTUKARAN ITU AKAN TERUS DILAKUKAN BERPERINGKAT-PERINGKAT SEHINGGA TAHUN 1983 APABILA SEMUA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN DAN BANTUAN AKAN MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR. -- BERSAMBUNG 1205/LK

CE

B515:

AKTA 4 KUALA LUMPUR

PENGUMUMAN MENGENAI PELAKSANAAN AKTA TERSEBUT TELAH DIBUAT SERENTAK OLEH KERAJAAN-KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI.

DI KOTA KINABALU. KETUA MENTERI, DATUK HARRIS SALLEH BERKATA. DENGAN PERLUASAN AKTA ITU PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN SATU AKAN MENERIMA PELAJARAN PERCUMA SEMENTARA PARA PELAJAR TINGKATAN DUA PULA AKAN MENDAPAT FAEDAH YANG SAMA MULAI TAHUN DEPAN. -- BERNAMA
1258/LK